Dalam usaha meningkatkan sektor perhutanan di Malaysia, Dasar Perhutanan Negara yang telah ditubuhkan oleh Majlis Perhutanan Negara pada tahun 1977 berfungsi dalam membantu meningkatkan penghasilan bahan mentah termasuklah hasil hutan bukan kayu (HHBK) (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2018) di mana ianya sangat penting selepas kurangnya pengeluaran hasil kayu dari hutan (Sudirman, 2012). Hasil hutan bukan kayu merupakan keluaran hasil hutan selain kayu balak (Khairuddin Kamaruddin, 2013) yang berpotensi besar untuk dikomersialkan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan ekonomi negara (Kosmo Online, 2016) selain ianya dapat memelihara hutan negara (Baharuddin & Taskirawati, 2009). Antara hasil hutan bukan kayu yang menjadi tumpuan masyarakat





dan mempunyai nilai komersial yang tinggi adalah gaharu, damar, tengkawang, rotan, kepayang, bintangor laut dan buah keras (Widiyanto & Siarudin, 2013).

Gaharu, terkenal sejak zaman Firaun lagi merupakan sejenis damar daripada pokok karas yang terbentuk secara semulajadi apabila pokok karas tersebut menghasilkan tindakbalas akibat daripada serangan kulat/bakteria (Azmi Yahya, 2011). Pokok karas tergolong dalam famili Thymelaeaceae di bawah genera *Aquilaria* (Azmi Yahya, 2011) telah ditemui di 14 buah negara di dunia seperti Bangladesh, Bhutan, Brunei, Kemboja, China, Filipina, Indonesia, India, Republik Demokratik Rakyat Laos, Myanmar, Malaysia, Papue New Guinea, Singapura dan Thailand (Rosli Yaakop, 2009). Manakala, terdapat 22 spesies *Aquilaria* telah direkodkan di Asia Tenggara antaranya spesies *A. malaccensis*, *A. microcarpa*, *A. beccariana*, *A. hirta*, *A. rostrata*, *A. apiculata*, *A. bailonii*, *A. banaensis*, *A. banaense*, *A. brachyanta*, *A. citricarpa*, *A. crassna*, *A. cumingiana*, *A. decamcostata*, *A. filaria*, *A. khasiana*, *A. parvifolia*, *A. rugosa*, *A. sinensis*, *A. subintegra*, *A. urdanensis* dan *A. yunanensis* (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2015a).

Di Malaysia, gaharu telah didagangkan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi iaitu pada abad ke-14 dengan pedagang China (Ismail Muhammad & Mohd Zin Jusoh, 2011). Dalam masyarakat tempatan di Malaysia, selain dipanggil sebagai gaharu, penggunaan nama lain seperti Karas, Candan Bulu, Depu, Garu, Tanduk, Candan, Candan Gajah dan Candan Gunung juga turut digunakan (Azmi Yahya, 2011). Pokok gaharu banyak dijumpai di hutan Semenanjung Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak (Chong, Mohd Fajri, & Rusli, n.d). Taburan hujan yang panas dan lembap sepanjang tahun serta kawasan tanah pamah di Malaysia





sangat sesuai untuk penanaman pokok karas menjadikan pokok tersebut tumbuh subur di hutan Malaysia (Ismail Muhammad & Mohd Zin Jusoh, 2011). Selain India dan Indonesia, Malaysia merupakan negara ketiga pengeluar terbesar gaharu dan pati minyak gaharu (Ismail Muhammad & Mohd Zin Jusoh, 2011).

Resin atau lebih dikenali sebagai gaharu, terhasil dalam kuantiti yang sedikit, kuantiti yang tidak tetap (Siti Salwana Hashim, 2016) dan mengambil masa yang lama menjadikan harganya sangat tinggi di pasaran (Hashim, Ismail, & Abbas, 2014). Harga gaharu yang lumayan dan menguntungkan menjadikan gaharu semakin diminati oleh pedagang tempatan dan luar negara (Nor Azah et al., 2013). Namun begitu, permintaan yang tinggi terhadap gaharu menyebabkan penebangan pokok karas yang tidak terkawal telah berlaku sehingga spesies ini semakin terancam dan

berkurang (Mohds Alfian Alias, 2005). Penanaman semulajadi pokok karas dan pengumpulan gaharu secara sihat dan terkawal adalah salah satu langkah yang efektif bagi memelihara spesies karas ini (Mohamed, Jong, & Zali, 2010; Azmi Yahya, 2011). Oleh sebab berlakunya banyak eksploitasi terhadap pokok karas, ianya telah disenaraikan sebagai spesies yang terancam di mana spesies ini terjadual dalam akta 686 yang mewajibkan setiap penanam atau pengusaha karas mendaftar dengan Pihak Pengurusan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) (Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, 2010).

Bagi mengelakkan kepupusan spesies ini, Malaysia telah berusaha keras dalam mengawal penanaman dan pengumpulan gaharu termasuklah mengawal kaedah pemprosesan dan pembuatannya, perdagangan dalam negeri, import dan eksport (Lim, & Noorainie Awang Anak, 2010). Selain MTIB, terdapat juga pihak lain yang telah





banyak membantu dan terlibat secara langsung dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan penanaman pokok karas di Malaysia. Sebagai contoh, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) dan International Tropical Timber Organization (ITTO) telah bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dalam menerbitkan buku manual pengecaman species *Aquilaria* di Semenanjung Malaysia (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2015a). Selain itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) juga terlibat dalam pengecaman spesies *Aquilaria* dengan cara menggunakan penanda DNA (Siti Salwana Hashim, 2016). Manakala, Agensi Nuklear Malaysia juga berperanan penting dalam mengkaji serta menghasilkan satu kaedah inokulasi yang dapat mempercepatkan tempoh penghasilan kayu gaharu yang dikatakan sangat rumit dan memakan masa yang lama (Chong et al, n.d). Persatuan Gaharu Malaysia (PGM) dan Persatuan Pengusaha Gaharu Bumiputera Malaysia (PENGHARUM) juga telah dikenalpasti terlibat secara langsung dalam pembangunan industri gaharu (Azmi Yahya, 2011).

Menghasilkan gaharu daripada pokok karas bukanlah sesuatu yang mudah dan memerlukan usaha yang keras serta berterusan untuk mendapatkan hasil gaharu yang berkualiti tinggi. Mengikut kajian, pokok karas yang tumbuh liar di hutan mengambil masa hampir 40-50 tahun untuk menghasilkan teras gaharu yang berkualiti tinggi manakala 10-20 tahun diperlukan oleh pokok karas yang ditanam di ladang (Ismail Muhammad & Mohd Zin Jusoh, 2011). Walaupun pulangan yang lumayan menanti, kos yang tinggi diperlukan bagi penyelengaraan dan penanaman pokok karas kerana tempoh penghasilannya yang memakan masa yang lama (Mohd Farid Mamat, Mohd





Rusli Yacob, Lim, & Alias Rdam, 2010). Justeru, bagi menampung kos penanaman dan penyelenggaraan tersebut, penanaman secara integrasi atau campuran amatlah digalakkan dan ianya sudah tidak asing lagi dalam sektor pertanian di Malaysia. Tanaman integrasi atau campuran adalah tanaman jangka pendek yang ditanam secara campuran dengan pokok karas seperti pisang, nenas dan herba untuk mendapatkan pulangan sampingan sebelum hasil daripada tanaman utama berjaya diperolehi (Ismail Muhammad & Mohd Zin Jusoh, 2011). Tanaman jenis campuran ini juga melibatkan penanaman dua atau lebih spesies lain di dalam satu kawasan secara berselang-seli baris atau pepagar (Rosli Yaakop, 2009; Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2012).

Penanaman secara integrasi juga lebih produktif berbanding penanaman secara



tunggal dan mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih baik (Mohd Farid Mamat et al., 2010). Sebagai contoh, tanaman integrasi kelapa dengan ubi kayu mampu meningkatkan ekonomi serta pulangan hasil yang tinggi jika dibandingkan dengan penanaman kelapa secara tunggal (Khairul Ismail & Wan Zaki Wan Mamat, 2013). Dalam kajian ini, penanaman pokok karas telah diintegrasikan dengan tanaman jangka pendek yang juga hanya memerlukan masa yang singkat untuk proses tuaian. Antara tanaman jangka pendek yang popular adalah seperti ubi keledek, jagung, ubi kayu, tebu, kacang tanah, sengkuang dan ubi keladi (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2017). Namun begitu, pelbagai aspek harus diambil kira sewaktu melaksanakan penanaman integrasi bersama tanaman utama.

Apabila wujudnya tanaman jangka pendek di satu kawasan yang sama dengan pokok karas, pelbagai faktor persekitaran akan mempengaruhi pertumbuhan pokok





karas tersebut. Penanaman karas sendiri memerlukan penjagaan yang rapi kerana terdapat pelbagai faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi pertumbuhannya. Antara masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha karas adalah seperti serangan serangga perosak, serangan penyakit, pH tanah yang rendah, pengawalan terhadap gangguan hidupan liar dan binatang ternakan serta persaingan pokok karas dengan pokok-pokok renek dan rumpai (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2012). Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti jenis tanaman jangka pendek yang bersesuaian untuk diintegrasikan dengan pokok karas. Selain itu, kesan penanaman jangka pendek terhadap faktor persekitaran, pertumbuhan pokok dan pendapatan bagi pengusaha pokok karas juga turut diambil kira.



Penanaman pokok karas semakin mendapat perhatian oleh pengusaha-pengusaha ladang di Malaysia. Nilainya yang tinggi di pasaran dunia membuka mata masyarakat untuk menceburkan diri dalam bidang penanaman karas secara besar-besaran bagi memperoleh hasil pulangan yang lumayan di samping mengurangkan kepupusan spesies ini di hutan-hutan semulajadi. Ini didorong lagi dengan sokongan kerajaan bagi membantu menanam dan memasarkan hasil gaharu di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Sehingga kini, pihak lain seperti Tesco Stores Malaysia Sdn. Bhd. (Tesco) dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Kayan Malaysia (MTIB) juga telah melaksanakan penanaman pokok karas di kawasan hutan simpan (Utusan Online, 2013) dan sekitar institusi-institusi pengajian tinggi dengan tujuan menghijaukan alam sekitar (Kosmo Online, 2013).





Walau bagaimanapun, tempoh kematangan pokok karas adalah agak lama iaitu sekitar 5-6 tahun (Blanchette, Jurgens, & Van Beek, 2010) sebelum penuaian hasil tanaman ini dapat diperoleh melalui proses inokulasi. Justeru itu, pengusaha tanaman karas perlu mencari alternatif lain bagi menjana kos sara hidup mereka di samping dapat menampung kos penyelenggaraan tanaman karas yang diusahakan. Tambahan pula, pengusaha tanaman karas masih boleh menjana pendapatan interim dengan mengusahakan tanaman integrasi berupa tanaman jangka pendek dalam kawasan yang sama tanaman karas ditanam.

Oleh itu, satu kajian perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti pendapatan interim yang boleh dihasilkan oleh pengusaha tanaman pokok karas sementara menunggu hasil gaharu diperoleh daripada pokok karas tersebut. Bagaimanakah

pendapatan interim tersebut boleh dihasilkan oleh pengusaha tanaman pokok karas? Sementara menunggu hasil gaharu? Adakah pendapatan interim ini mampu memberi pulangan yang lumayan kepada pengusaha tanaman karas? Tanaman jangka pendek di Malaysia merupakan sumber ekonomi utama bagi sesetengah petani kerana ia mampu menjana pendapatan yang tinggi terutama bagi kawasan luar bandar. Sejak kebelakangan ini, dengan peningkatan keperluan terhadap pendapatan ekonomi, kepentingan tanaman jangka pendek juga semakin meningkat (Tanaka et al., 2009).

Kini, tanaman jangka pendek telah banyak ditanam secara tanaman campuran atau integrasi dengan tanaman utama seperti getah, kelapa sawit. Contohnya, getah bersama pisang (Senevirathna, Stirling, Rodrigo, Pathirana, & Karunathilake, 2010), kelapa sawit bersama jagung dan ubi kayu (Okyere, Danso, Larbi, & Danso, 2014) dan kelapa bersama tebu kuning (Khairol & Wan Zaki, 2016). Jabatan Pertanian





Malaysia (2016) melalui Strategi dan Pelan Tindakan Projek Pembangunan RMKe-11 (2016 – 2020) telah menjalankan projek untuk meningkatkan pengeluaran hasil sayur-sayuran dan tanaman jangka pendek negara bagi pasaran tempatan dan eksport. Justeru itu, penanaman jangka pendek di kawasan ladang karas bukan sahaja membantu pengusaha atau petani memperoleh hasil pendapatan lumayan, malah ia dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara dengan meningkatkan kadar pengeluaran hasil tanaman jangka pendek selaras dengan hasrat negara bagi menghasilkan sekitar 89,000 tan tanaman jangka pendek pada tahun 2020.

Namun begitu, penanaman tanaman jangka pendek di kawasan ladang karas bukanlah perkara yang mudah. Pengusaha perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuklah jenis dan varieti tanaman jangka pendek yang sesuai, permintaan pasaran, kos penanaman, hasil pulangan, nilai komersial dan kesan penanaman tersebut terhadap pokok karas yang merupakan tanaman utama serta persekitaran kawasan penanaman. Dengan kombinasi spesies pokok yang mempunyai nilai yang tinggi dan tanaman jangka pendek yang boleh dipasarkan, petani mampu menjana pendapatan yang lebih lumayan dengan menghasilkan kedua-dua hasil pertanian dalam kawasan yang sama (Hashim Md Noor et al., 2012).

Apakah pula jenis tanaman jangka pendek yang sesuai dan memberikan hasil pulangan yang cepat kepada pengusaha tanaman karas? Terdapat beberapa jenis tanaman jangka pendek yang boleh mendatangkan hasil dalam jangkamasa pendek. Antara jenis tanaman jangka pendek tersebut adalah seperti pisang, jagung, tebu, ubi kayu, cili dan sayur-sayuran. Walau bagaimanapun, pemilihan jenis tanaman jangka





pendek untuk ditanam perlu mengambilkira faktor kesesuaian tanah di kawasan tersebut.

Namun begitu, penanaman tanaman jangka pendek juga memberi kesan terhadap tumbesaran tanaman utama (karas) dan persekitaran fizikal. Ini adalah kerana tanaman jangka pendek dan tanaman utama akan bersaing bagi mendapatkan keperluan asas seperti air, cahaya dan nutrien. Ini seterusnya akan menyebabkan pertumbuhan pokok terbantut dan mengurangkan hasil pertanian (Nurul Ain Noor Rahman, 2012). Oleh itu, kajian ini juga perlu dilakukan bagi menentukan samada tanaman jangka pendek yang ditanam memberi kesan kepada kesuburan tanah di kawasan tanaman karas. Ini melibatkan kesan terhadap kandungan air dalam tanah, nilai pH dan nutrien dalam tanah selepas tanaman jangka pendek ditanam yang juga



Selain daripada kesan fizikal terhadap tanaman karas dan jangka pendek, kajian juga perlu dilakukan ke atas jenis serangga yang hadir di kawasan terbabit selepas tanaman jangka pendek ditanam. Serangga yang akan hadir bukan sahaja bertindak sebagai perosak yang menyerang dan merosakkan tanaman (Sallam, 2008), malah terdapat juga serangga yang membantu dan memberi kelebihan kepada tanaman karas dan tanaman jangka pendek seperti berfungsi sebagai agen pendebungaan yang baik, pemakan serangga perosak lain, ejen pengurai dan membantu memulihkan struktur tanah (Getanjaly, Sharma, & Kushwaha, 2015).

Kajian terhadap kesan penanaman tanaman jangka pendek terhadap tanaman utama masih kurang dijalankan di Malaysia terutamanya terhadap tumbesaran pokok





karas. Selain itu, kajian untuk menentukan kesan daripada penanaman tanaman jangka pendek terhadap persekitaran fizikal di sekitar ladang karas sebagai tanaman utama juga masih belum dilakukan secara meluas oleh penyelidik di Malaysia. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengkaji kesan tanaman jangka pendek yang diusahakan terhadap pertumbuhan pokok karas dan persekitaran fizikal serta pendapatan interim yang diperoleh pengusaha ladang karas setelah megusahakan tanaman integrasi.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian terbahagi kepada empat bahagian iaitu:



- i. Mengenalpasti jenis tanaman jangka pendek yang mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran dan dapat memberi pulangan optimum;
- ii. Mengenalpasti bagaimana jenis tanaman jangka pendek yang ditanam memberi kesan terhadap tumbesaran pokok karas;
- iii. Mengkaji kesan persekitaran fizikal hasil daripada penanaman tanaman jangka pendek di kawasan penanaman pokok karas;
- iv. Mengkaji taburan kepelbagaian kumpulan serangga akibat perubahan persekitaran.





1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah terdiri daripada:

- i. Apakah jenis tanaman jangka pendek yang mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran dan boleh menghasilkan pulangan yang tinggi?
- ii. Bagaimanakah jenis tanaman jangka pendek yang ditanam memberi kesan terhadap tumbesaran pokok karas?
- iii. Bagaimanakah jenis tanaman jangka pendek mempengaruhi persekitaran fizikal?
- iv. Apakah jenis kumpulan serangga yang hadir akibat perubahan persekitaran?



1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Pokok Karas

Pokok karas merupakan pokok sederhana besar dengan ketinggian boleh mencecah 40 m tinggi manakala diameter mencapai 80 cm bagi pokok karas yang tumbuh di hutan (Ismail Muhammad & Mohd Zin Jusoh, 2011). Struktur batang pula tidak berbanir tetapi lurus, berkulit licin dengan warna dari keputihan, kelabu sehingga kemerahan. Pokok karas mempunyai daun tunggal dengan susunan bertingkat, dan runcing di hujung serta berbentuk oblong pada daun matang (Ismail Muhammad & Mohd Zin Jusoh, 2011). Pokok karas menghasilkan gaharu yang bernilai tinggi di pasaran. Spesies pokok karas yang terlibat dalam kajian ini adalah *Aquilaria malaccensis*.





1.6.2 Tanaman Jangka Pendek

Tanaman jangka pendek adalah tanaman yang mengeluarkan hasil serta mempunyai jangka hayat kurang dari setahun (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Contoh tanaman jangka pendek adalah sayur, bunga dan sebagainya. Tanaman jangka pendek boleh ditanam bersama dengan tanaman utama bagi memperoleh pendapatan tambahan. Kaedah ini dapat memberi hasil jangka pendek bagi pengusaha sementara menunggu pokok utama mengeluarkan hasil. Tanaman jangka pendek juga dapat membantu memulihkan dan menyuburkan tanah.

1.6.3 Persekutaran Fizikal



Persekutaran fizikal di sini membawa maksud persekitaran pokok karas dan tanaman jangka pendek ditanam. Dalam konteks kajian ini, kualiti persekitaran fizikal dinilai berdasarkan nilai keasidan (pH) tanah, kandungan lembapan tanah dan kandungan nutrien dalam tanah seperti nitrogen (N), phosphorus (P), kalium (K) dan beberapa unsur nutrien yang lain seperti mangan (Mn), ferum (Fe), kuprum (Cu), zink (Zn), magnesium (Mg), boron (B), kalsium (Ca), natrium (Na), dan aluminium (Al) juga turut dikaji bagi menentukan kesannya terhadap pertumbuhan tanaman jangka pendek dan tanaman karas. Jenis tanah bagi plot penanaman karas dalam kajian ini adalah loam berpasir.





1.6.4 Gaharu

Gaharu berasal daripada perkataan sanskrit iaitu ‘Aguru’ yang bermaksud kayu berat (tenggelam) dengan ketumpatan di antara $0.5 - 1.5 \text{ kg/m}^3$ bergantung kepada umur dan kualiti gaharu yang terhasil berbanding kayu karas yang mempunyai ketumpatan antara $0.3 - 0.4 \text{ kg/m}^3$ (Ismail Muhammad & Mohd Zin Jusoh, 2011). Gaharu terjadi secara semulajadi dan buatan akibat pokok yang terluka, dilukakan atau diserang penyakit. Gaharu terbentuk apabila sel parenkima atau jaringan pembuluh kayu (vesel), gentian trakied dan floem dimasuki oleh kulat dalam tisu-tisu hidup pokok karas tersebut. Kulat tersebut akan memakan sel sap dalam saluran pokok sebagai sumber tenaganya (Ismail Muhammad & Mohd Zin Jusoh, 2011). Gaharu yang terhasil mempunyai bau yang wangi sehingga bukan sahaja digunakan sebagai alat



untuk perayaan keagamaan, malah kayu gaharu diekstrak bagi menghasilkan minyak wangi untuk beberapa tujuan seperti penghasilan minyak wangi dan produk kosmetik (Naef, 2011).

1.6.5 Pulangan

Pulangan di sini membawa maksud hasil pendapatan pengusaha tanaman pokok karas.

Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i. Pulangan interim yang dihasilkan daripada penanaman tanaman jangka pendek. Pulangan interim ini berkemungkinan boleh dihasilkan beberapa kali





disebabkan jangkaan pengeluaran hasil tanaman jangka pendek dianggarkan kurang daripada setahun.

- ii. Pulangan utama yang dihasilkan daripada penjualan hasil gaharu atau apa jua daripada pokok karas yang telah matang atau sekurang-kurangnya lima tahun daripada tempoh penanaman.

1.7 Batasan Kajian

Pemilihan responden-responden bagi kajian kualitatif melalui temubual berstruktur dalam kajian ini hanya terbatas kepada peniaga dan pengusaha tanaman jangka pendek di beberapa daerah di kawasan Perak dan Selangor. Justeru itu, kemungkinan

besar akan berlaku sedikit perbezaan bagi hasil dapatan kajian sekiranya kajian dijalankan di kawasan atau lokasi yang berbeza. Kajian ini juga hanya terbatas pada kawasan Ladang Karas di Kampung Tambak, Slim River, Perak sahaja. Selain itu, kajian ini juga bergantung kepada tempoh penanaman tanaman jangka pendek yang dipilih iaitu cili, jagung dan juga bendi. Tempoh penanaman tersebut bermula dari semaihan biji benih sehingga tuaian bagi setiap tanaman jangka pendek yang telah dipilih. Cili merupakan tanaman jangka pendek yang mempunyai tempoh penuaian paling lama jika dibandingkan dengan jagung dan bendi. Hal yang sedemikian perlu dititikberatkan jika ingin menjana hasil pendapatan yang lumayan dalam masa yang singkat di samping meninjau permintaan yang tinggi bagi setiap tanaman jangka pendek yang dipilih terutamanya di pasaran tempatan. Oleh yang demikian, pemilihan jenis-jenis tanaman jangka pendek sangat mempengaruhi hasil dapatan sesuatu kajian. Tambahan pula, data daripada kajian ini juga terhad kepada jenis tanah dan variasi





iklim di lokasi kajian sahaja dan tidak boleh diaplikasikan kepada lokasi lain terutamanya di negara yang mempunyai iklim dan jenis tanah yang berbeza dari Malaysia.

1.8 Implikasi Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pengusaha tanaman pokok karas dalam menentukan jenis tanaman jangka pendek yang sesuai ditanam di kawasan ladang karas bagi menghasilkan pulangan yang optimum selain membantu tumbesaran pokok karas. Implikasi kajian dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu implikasi tanaman jangka pendek terhadap para petani, negara dan juga kepada kawasan kajian.



1.8.1 Petani

Para petani yang mempraktikkan penanaman campuran di antara tanaman utama dengan tanaman jangka pendek di ladang mereka mampu menjana lebih banyak keuntungan berbanding dengan petani yang hanya mempraktikkan sistem monokultur. Kejayaan yang diperoleh hasil daripada pengamalan tanaman campuran dalam kalangan para petani di seluruh dunia adalah dengan menghasilkan pulangan yang lebih lumayan dalam masa yang singkat di samping menunggu pulangan daripada tanaman utama yang memerlukan masa beberapa tahun untuk membahukan hasil. Situasi ini terbukti apabila Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian di beberapa buah daerah di Selangor telah





membuahkan hasil yang lumayan dengan meningkatkan jumlah pendapatan bersih sebulan bagi para petani. Majoriti jumlah pendapatan bersih sebulan para petani sebelum mengusahakan tanaman makanan termasuk tanaman jangka pendek, sayur-sayuran dan buah-buahan adalah sekitar RM2,059.30 bagaimanapun telah meningkat sehingga RM5,461.90 setelah penanaman campuran ini dipraktikkan (Jabatan Pertanian, 2012). Menurut statistik penjanaan pendapatan dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), para petani yang mengusahakan tanaman jangka pendek telah dianggarkan akan memproleh pendapatan bulanan bagi penanaman jagung, ubi kayu, ubi keledek dan tebu masing-masingnya adalah RM 1800/ekar, RM 225/ekar, RM 1200/ekar dan RM 1000/ekar. Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan di sini bahawa pengamalan tanaman makanan yang mampu menjana pendapatan dalam masa yang singkat dapat membantu para petani untuk membiayai



racun perosak bagi tanaman utama yang diusahakan di ladang mereka.

1.8.2 Negara

Implikasi dalam mengusahakan tanaman jangka pendek kepada negara adalah dapat meningkatkan hasil pertanian seterusnya mampu menyediakan sumber makanan yang mencukupi untuk menampung keperluan makanan bagi populasi yang semakin meningkat dari hari demi hari. Menurut Jabatan Pertanian (2012), laporan penilaian Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah memperoleh hasil dapatan yang positif daripada responden kajian. Hal ini kerana tanaman jangka pendek dan sayur-sayuran yang diusahakan oleh responden kajian seperti rock melon,





ubi kayu, bayam, keledek, pisang dan lengkuas mampu menjana pendapatan yang lumayan di samping dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan di dalam negara.

Projek seperti ini wajar dikekalkan dan dipraktikkan kerana ia mampu membantu dalam meningkatkan pengeluaran sumber makanan negara. Berdasarkan statistik tanaman makanan daripada Jabatan Pertanian, jumlah pengeluaran dalam tan metrik (mt) bagi tanaman jangka pendek dari tahun 2016 – 2017 menunjukkan peningkatan yang positif bagi tanaman jangka pendek yang diusahakan oleh para petani (Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, 2017). Statistik penjanaan hasil jumlah pengeluaran dalam tan metrik yang dilaporkan oleh Jabatan Pertanian bagi tahun 2017 bagi tanaman jangka pendek seperti jagung, kacang tanah, tebu kuning,



ubi kayu, ubi keladi, ubi keledek dan sengkuang iaitu masing-masingnya adalah sebanyak 75,246 mt, 232 mt, 28,113 mt, 67,272 mt, 4,135 mt, 47,533 mt dan 17,430 mt.

1.8.3 Kawasan Kajian

Tanaman jangka pendek mampu mengubah ekologi dan persekitaran bagi kawasan kajian. Hal ini kerana, dengan penanaman tanaman jangka pendek tekstur tanah akan menjadi lebih baik iaitu lebih mampu memegang air seterusnya memberikan pengudaraan yang baik kepada akar tanaman yang hidup di kawasan kajian. Situasi ini akan meningkatkan kesuburan tanah di samping meningkatkan kandungan nutrien di kawasan tersebut. Kesuburan tanah adalah sangat penting dalam bidang pertanian





untuk jangka masa panjang kerana ia mampu mempengaruhi hasil pulangan tanaman utama pada masa hadapan. Selain itu, tanaman jangka pendek juga dapat berfungsi sebagai teduhan bagi tanaman utama yang masih di peringkat pra matang di ladang. Pengamalan tanaman campuran sangat mempengaruhi kepelbagaiannya serangga, pokok-pokok kecil dan juga jenis-jenis rumput yang akan tumbuh melata di kawasan ladang karas.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan mengenai spesies-spesies pokok karas yang kebiasaannya ditanam oleh dan tanaman jangka pendek yang sesuai untuk

diintegrasikan bersama pokok karas. Persekutuan fizikal yang mempengaruhi tumbesaran pokok juga disentuh dalam bab ini kerana ianya memberi kesan terhadap tumbesaran pokok karas mahupun tanaman jangka pendek. Implikasi kajian ini turut dibincangkan merangkumi kesan kajian yang akan dijalankan dan kepentingannya terhadap petani, negara mahupun ekologi dan kawasan kajian. Bab seterusnya akan mengupas dengan lebih terperinci tentang kajian literatur yang berkaitan dengan kajian ini.

